

Permasalahan Kemahiran Menetapkan Objektif Pengajaran Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) Sekolah Rendah Berteraskan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Mohd Syaubari bin Othman
syaubari@fpm.upsi.edu.my

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan kemahiran menetapkan objektif pengajaran dalam kalangan guru pendidikan Islam berteraskan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Kajian berbentuk kualitatif di Negeri Perak yang melibatkan temubual dan pemerhatian bersama dua guru pendidikan Islam. Penentuan tema telah ditetapkan adalah berdasarkan pengumpulan secara temu bual dan pemerhatian serta kerangka konseptual. Hasil temubual itu ditadbir urus dengan perisian N'vivo versi 8 untuk menghasilkan tema dan jadual matrik berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan faktor yang mempengaruhi GPI adalah dari aspek pengurusan masa, keterikatan dengan sukatan dan berorientasikan peperiksaan. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan di dalam corak kefahaman guru dari aspek konsep pengetahuan, kemahiran dan perancangan. Namun, kedua-dua guru menyedari kepentingan pelaksanaan KBAT ini dalam membentuk pelajar yang memahami, menghayati dan mengamalkannya. Konsep KBAT ini di lihat dari perspektif elemen menganalisis, menilai dan menjana idea terhadap isi kandungan pendidikan Islam dengan menggunakan pendekatan pemikiran secara kreatif dan kritis. Keseluruhan daripada kajian ini memperlihatkan kepentingan untuk guru mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan perancangan di dalam membentuk serta seterusnya menepati kehendak pengajaran yang berteraskan KBAT

Kata kunci : KBAT, faktor menyumbang, Guru Pendidikan Islam

1.0 Pengenalan

Matlamat asas utama pendidikan adalah untuk membentuk pelajar yang mempunyai pengetahuan yang mendalam, kemahiran yang tinggi dan nilai penghayatan di dalam perlakuan menerusi pembentukan kesepaduan elemen kognitif, afektif dan psikomotor. Maka keperluan kepada kemahiran berfikir dengan lebih berkualiti, rasional dan menghasilkan pemikiran yang logik menjadi teras penting kepada perkembangan PdP abad ke 21. Pengenalan kepada penstrukturan ilmu pada hari ini yang mengandungi kerencaman segala konsep mengwujudkan proses pengajaran semakin kompleks dan memerlukan kefahaman yang mendalam di kalangan guru.

Menerusi keadaan ini, PdP secara KBAT telah menjadi suatu elemen yang ditekankan di sebabkan bersesuaian dengan asas PdP abad ke 21.

Proses pembinaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ini telah mendedahkan, pelajar-pelajar dengan pendekatan berfikir dengan lebih kritikal, kreatif, kritis dan berkemampuan menyelesaikan masalah dengan efisien. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ini merangkumi pemikiran kreatif, kritis, analitikal, logik, sintesis dan penilaian. Penstrukturan tahap pemikiran ini telah dihasilkan oleh Benjamin Bloom (1984) dengan mengkategorikan kemahiran berfikir dalam peringkat-peringkat seperti pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Taksonomi Bloom ini adalah bermatlamat untuk guru-guru dan para pelajar dalam mengaplikasikan pemikiran tahap tinggi dan bukan lagi menggunakan pemikiran tahap mudah seperti amalan kebiasaan yang dilakukan.

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ini ialah kebolehan pelajar untuk menilai kebenaran sesuatu idea dan bersifat mampu dikaitkan dengan situasi semasa. Penjanaan elemen KBAT ini perlu melalui kemahiran berfikir kreatif iaitu kebolehan untuk mencerna dan menghasilkan idea asli dan bersifat generatif. Idea baru terhasil melalui ilham atau gabungan idea-idea yang ada. Pengaplikasian KBAT di dalam proses pembelajaran pelajar-pelajar ini akan meningkatkan nilai pengamalan dan penghayatan yang lebih berasaskan kefahaman ilmu yang mendalam.

Kajian-kajian berkaitan juga menunjukkan pengajaran kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ini akan membentuk kemahiran pelajar menerusi konteks keupayaan mengaitkan dengan realiti semasa (Cotton, 1991). Untuk itu, KBAT ini perlu diberikan penekanan yang menyeluruh di dalam proses PdP dengan agar kemampuan pelajar untuk berfikir secara kritikal, kreatif dan inovasi ini di dalam menghadapi perubahan pendekatan pengajaran, tahap penerimaan pelajar dan pengetahuan teknologi yang berlaku secara mendadak pada masa kini. Ini adalah kerana matlamat untuk melahirkan pelajar yang berfikiran kritis dan kreatif ini telah menjadi satu isu yang sering diperkatakan dan menjadi suatu visi yang bersifat nasional.

2.0 Konsep Penetapan Objektif di dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Konsep penetapan objektif di dalam PdP ini menggunakan pandangan Al-Qabisi sebagai indikator utama. Al-Qabisi menyarankan guru untuk menetapkan matlamat pengajaran menerusi pendekatan mendalami ilmu pengetahuan secara berterusan dan memahirkan diri dengan kemahiran kepelbagaian pengajaran. Berkata (al-Qabisi, 1955) yang maksudnya :

Apabila dituliskan kepada kanak-kanak lalu dia tidak dapat mengeja dan ditunjukkan perkataan yang terdahulu, dia tidak dapat mengenalinya dan tidak dapat membaca bacaannya

Pernyataan di atas menggambarkan guru telah melakukan kesilapan di dalam melaksanakan tugasnya walaupun mempunyai kemahiran di dalam mempelbagaikan pendekatan. Guru juga dikatakan telah melakukan penipuan sekiranya tidak menetapkan matlamat yang hendak dicapai dan tidak berkeupayaan mempersembahkan pengajaran yang berkualiti. Oleh kerana itu, al-Qabisi menetapkan objektif sebagai asas bagi mengelakkan suatu kecuaiian kepada guru yang tidak meletakkan matlamat yang rapi di dalam tugas pengajaran (Himmah, 2003; Siti Salwa, 2014)

Penetapan objektif juga merujuk kepada cara bagaimana sesuatu mata pelajaran itu di ajarkan dan matlamat yang perlu diperolehi daripada pengajaran tersebut. Setiap objektif yang baik hendaklah menggambarkan satu pandangan matlamat pengajaran dan pembelajaran. Ia bertujuan untuk memudahkan pelajar menerima dan memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru (Ibn Khaldun, 2009)

Menurut pendapat (Robert Glaser 1963, Paharuddin, 2014), objektif ialah satu set andaian yang saling berkait dengan proses pengajaran dan pembelajaran serta mempunyai unsur-unsur yang boleh diperolehi. Melalui pandangan ini, keperluan untuk merumuskan penetapan objektif seharusnya berlandaskan kepada model, prinsip atau teori pembelajaran dan ianya menuju kepada matlamat pembelajaran yang sama. Terdapat penetapan objektif perlu diselarikan dengan pendekatan yang pelbagai untuk digunakan di dalam pengajaran, misalnya daripada konkrit kepada abstrak, daripada mudah kepada terperinci, daripada keseluruhan kepada komponen tertentu, daripada umum kepada khusus, daripada yang jauh kepada yang dekat, daripada diketahui

kepada yang belum diketahui dengan berdasarkan tahap kesesuaian pelajar dan jenis pengajaran guru terbabit (Hamdi et al, 2012)

Bagi proses pelaksanaan pengajaran yang berkesan, guru pendidikan Islam seharusnya memilih objektif yang bersesuaian kerana tiada satu objektif yang bertepatan bagi seseorang pelajar di sebabkan beberapa faktor disebabkan wujudkan kepelbagaian tahap kognitif pelajar, elemen persekitaran dan daya tumpuan pelajar, namun guru perlu menetapkan berdasarkan objektif yang berkemampuan dengan dicapai sekurang-kurangnya 80% menguasai tajuk tersebut (Ab Halim et al, 2006, 2009 dan 2010). Keseluruhannya, objektif yang jelas, menyeluruh dan bersandarkan standard pengukuran berfungsi untuk membentuk daya kemampuan pelajar untuk memahami, menyusun, menstruktur, mengaplikasi dan mensintesis idea berteraskan konsep elemen KBAT di dalam menyesuaikan dengan amalan kehidupan seharian.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan dilaksanakan secara kaedah kajian kes. Kaedah ini dipilih berdasarkan kepada kefahaman bahawa dapatan kajian yang diperolehi akan lebih jelas dan tepat bersandarkan proses bagaimana penetapan objektif pengajaran dilaksanakan di dalam kelas (Yin, 2003). Untuk memperolehi maklumat secara terus dari peserta kajian, penentuan kajian lapangan menggunakan teknik analisis pemerhatian dan temubual dilaksanakan. Teknik pemerhatian yang digunakan adalah untuk mendapat diskripsi berkaitan dengan tempat kajian, aktiviti dan ahli di tempat kajian serta makna kepada perkara yang diperhatikan dari perspektif peserta kajian (Patton, 1990; Johnson & Christensen, 2000). Pengkaji tidak akan melibatkan secara sepenuhnya di dalam semua aktiviti di dalam kelas supaya mendapat gambaran yang sebenar. Hal ini juga penting agar guru peserta kajian tidak terganggu dari segi profesionalisme dan amalan pengajaran sebagai seorang guru (Marohaini, 2004).

Data yang diperolehi semasa pemerhatian diperkukuhkan melalui temu bual. Daripada temu bual, segala maklumat yang kurang jelas dan sukar didapati akan diperolehi. Ini kerana soalan yang dikemukakan semasa temu bual ialah soalan susulan untuk mencungkil penjelasan lanjut daripada peserta kajian tentang perlakuan yang ditunjukkan. Selain itu melalui temu bual pengkaji

akan mendapat gambaran yang lebih mendalam tentang apa yang sebenarnya dialami dan difikirkan peserta kajian. Ini jelas kerana menurut (Patton, 1990; Yin, 2003), temu bual kualitatif membenarkan pengkaji untuk mencungkil maklumat secara mendalam dari peserta kajian dan untuk memperolehi kefahaman mengenai sesuatu perkara dari sudut perspektif peserta kajian.

Dua orang peserta kajian dipilih berdasarkan kriteria yang ketat. Kriteria yang ditetapkan ialah pengalaman mengajar subjek pendidikan Islam melebihi sepuluh tahun dan mengajar sepenuhnya mata pelajaran pendidikan Islam. Pemilihan peserta kajian juga dibuat berdasarkan kepada kemudahan yang diberi untuk memasuki lokasi kajian iaitu sekolah tempat mengajar serta mudah untuk dijalankan proses kerja kajian lapangan. Data dianalisis melalui dua peringkat iaitu semasa kajian lapangan dan analisis kandungan selepas selesai kajian lapangan.

Triangulasi antara setiap unit digunakan di dalam penyimpulan data dan aspek kesahan serta kebolehpercayaan data dibuat melalui triangulasi antara unit iaitu dengan data daripada sembilan kali pemerhatian dan temu bual, pengesahan peserta kajian, nota lapangan dan memo serta etika kerja. Dapatan kajian bersifat komprehensif, holistik dan diskriptif (Othman, 2007; Creswell, 2012) tetapi tidak boleh digeneralisasikan kepada konteks, peserta dan tempat kajian yang lain. Maka berdasarkan sorotan literatur dan disesuaikan dengan metodologi kajian, penetapan objektif kajian serta persoalan kajian ini adalah seperti berikut iaitu

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Meneroka permasalahan penetapan objektif berteraskan elemen KBAT di dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) oleh guru Pendidikan Islam.

3.2 PERSOALAN KAJIAN

- 1) Apakah permasalahan bagi penetapan objektif oleh guru pendidikan Islam berasaskan elemen KBAT di dalam PdP?

4.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang dibentangkan ialah data yang diperolehi daripada kajian kes temubual dan pemerhatian peserta kajian dan dibentangkan mengikut setiap peserta kajian iaitu Guru X (peserta kajian 1) dan Guru Y (peserta kajian 2). Perbincangan dapatan kajian ini tidak membandingkan antara Guru X dan Guru Y tetapi menggabungkan kedua-dua analisis data untuk memperkayakan kefahaman atas tujuan memahami fenomena kajian dengan lebih mendalam. Latar belakang peserta kajian dibincangkan terlebih dahulu sebelum membuat pembentangan analisis data dan perbincangan berkaitan permasalahan di dalam penetapan objektif pengajaran

5.0 LATAR BELAKANG GURU

Guru X adalah berkelulusan Sarjana Muda Usuluddin, mendapat pendidikan ikhtisas Diploma pendidikan dari Institut Pendidikan Guru Islam Bangi dan mempunyai pengalaman mengajar pendidikan Islam selama lima belas tahun. Guru X pernah menyandang jawatan sebagai Ketua Panitia Pendidikan Islam selama tiga tahun disekolah tempat beliau bertugas. Bagi Guru Y merupakan salah seorang Guru Cemerlang dan pernah menyandang jawatan Ketua Panitia Pendidikan Islam di sekolah tempat beliau bertugas. Guru Y berkelulusan Sarjana Kurikulum dan Pengajaran, mendapat pendidikan ikhtisas Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan mempunyai pengalaman mengajar subjek Pendidikan Islam selama dua belas tahun. Subjek Pendidikan Islam merupakan opsyen semasa mengikuti Diploma Pendidikan bagi kedua-dua guru ini.

6.0 ANALISIS KAJIAN

Berdasarkan analisis kajian yang dilaksanakan terdapat beberapa tema dihasilkan berdasarkan persoalan kajian yang ditetapkan.

6.1 Masa Pendidikan Islam yang tidak mencukupi

Matlamat Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi mata pelajaran pendidikan Islam adalah untuk membina pemahaman pelajar tentang konsep *ketuhanan, kenabian, perkara sam'iyat* dengan melaksanakan penjanaan idea yang mudah dan mengaplikasikan pengetahuan di dalam kehidupan seharian. Oleh itu, guru perlu menguasai semua fakta dan konsep asas kandungan pendidikan Islam terlebih dahulu sebelum mereka menetapkan objektif di dalam mata pelajaran pendidikan Islam yang melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi, namun di sebabkan peruntukan masa yang terhad, penetapan objektif tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Ini bersandarkan petikan temu bual yang dilaksanakan kepada guru X dan guru Y. Petikan guru X :

“Saya tidak sempat nak pelajar capai objektif kerana masa sekejap sangat, tengok Tengok dah seminggu, nanti dah masuk tajuk lain, dah jadi objektif lain pulak”

Petikan guru B

“Saya dah buat objektif setakat mana pelajar perlu capai tetapi bila masuk kelas masa peringkat pengetahuan tu dah ambik masa yang banyak, jadi masa memang antara faktor yang susah objektif nak capai”.

Berdasarkan temu bual dan pemerhatian beberapa sub tema dapat dikeluarkan daripada tema yang dihasilkan

Tema	Sub Tema
Masa pendidikan Islam tidak mencukupi	➤ Penggunaan masa terhad
	➤ Kepelbagaian tahap kemampuan pelajar
	➤ Ketetapan sukatan
	➤ Menginterpretasikan taksonomi KBAT

Pelaksanaan objektif perlu bersandarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), masa bagi matapelajaran Pendidikan Islam adalah 6 waktu yang bersamaan dengan 180 minit. Namun begitu, di dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), masa bagi mata pelajaran Pendidikan Islam telah digabungkan dengan pelaksanaan tasmik. Oleh itu, masa untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) mengalami kekangan masa dengan pelbagai aktiviti dan ini menjejaskan

pelaksanaan KBAT yang memerlukan kefahaman terperinci dan mendalam. Selain itu kandungan topik yang semakin bertambah. Ini dijelaskan menerusi kenyataan oleh PK02

“Objektif pengajaran sekarang ni banyak sangat, semua benda nak kena bagi tahu, lepas tu tajuk pun banyak, kira-kira sekali masuk untuk ajar tu dah kira abis satu tajuk, kadang-kadang dalam kelas tu, bukan semua pelajar faham pun, jadi kena lihat balik sukatan tu, bagi sikit, jangan banyak sangat”

Selain itu, terdapat guru berpendapat bahawa pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ini akan mengambil masa yang agak lama dan akan membebankan guru. Oleh sebab itu, mereka lebih menumpukan KBAT hanya kepada pelajar pintar sahaja dan itupun di ajar secara sepintas lalu. Untuk itu, penyelesaian kepada situasi ini, kemahiran di dalam pengurusan masa dengan disepadukan kemahiran di dalam melaksanakan KBAT perlu wujud dan difahami dengan jelas oleh setiap guru. Pengurusan masa yang baik perlu wujud di kalangan guru agar masa yang diperuntukkan dapat digunakan dengan sebaik mungkin

“KBAT ni pun kalau nak ajar pada budak lemah, susah sikit, kadang-kadang dia tak faham pun apa yang kita ajar. Jadi lebih elok kita ajar pada budak yang pandai, senang sikit diorang nak faham”

6.2 Sukatan pelajaran berfokuskan kepada konsep dan fakta

Tema yang kedua dihasilkan adalah berkaitan penguasaan pelajar untuk mengetahui semua fakta dan konsep terlebih dahulu sebelum proses berfikir dilaksanakan. Selain itu, pelajar juga digalakkan untuk menghafal fakta-fakta tanpa melibatkan perkembangan unsur pemikiran dan penyelesaian yang mendalam (Abd Rahim, 1999). Ini bagi memastikan pengajaran konsep dan fakta disampaikan kepada pelajar secara sepenuhnya. Untuk itu, pelaksanaan PdP yang lebih mementingkan corak hafalan seperti menghafal kalimah-kalimah tauhid, bukti-bukti kekuasaan Allah dan ayat-ayat yang menguatkan hujah menjadi elemen utama sehingga pelajar hanya mengetahui tetapi tidak berkemampuan untuk menterjemahkan dalam konteks kefahaman yang sebenar.

Guru juga di dapati tidak tahu bagaimana cara untuk meningkatkan daya pemikiran pelajar kerana bagi mereka memadai bagi pelajar untuk menguasai fakta dan konsep asas yang diperlukan berdasarkan sukatan yang ditetapkan. Dapatan ini menunjukkan konsistensi di antara pandangan yang di utara oleh guru X dan Y. Ini dapat di lihat bersandarkan petikan temu bual yang dilaksanakan kepada guru X dan guru Y. petikan guru X :

“saya mengajar tekankan pelajar untuk ingat setiap fakta yang ada dalam buku teks sebab mereka nak periksa, apa-apa pun mesti ingat isi penting dulu, lepas tu baru boleh nak laksanakan KBAT atau apa pun”

Dapatan ini konsisten dengan pandangan yang diutarakan oleh guru Y :

“saya dalam kelas mesti ikut step mengajar iaitu pelajar mesti faham konsep atau fakta, kalau tak faham, susah nak bergerak ke step yang seterusnya, pendidikan sekarang ni, kena betul-betul faham sebab kalau dah ke depan, susah pelajar-pelajar yang ketinggalan”

Berdasarkan keseluruhan temu bual dan pemerhatian yang dilaksanakan, beberapa sub tema dapat ditentukan.

Tema	Sub Tema
Penekanan terhadap fakta dan konsep	➤ Penghafalan fakta
	➤ Kefahaman konsep sebelum laksanakan KBAT
	➤ Bersandarkan sukatan yang ditetapkan
	➤ Kepelbagaian strategi dalam pengajaran

Keseluruhan bersandarkan dapatan ini menunjukkan pelaksanaan objektif pengajaran lebih tertumpu kepada penguasaan fakta dan konsep. Ini disebabkan liputan sukatan yang luas dan mendalam, maka guru mementingkan penguasaan fakta dan konsep sebelum melaksanakannya dengan lebih terperinci. Maka elemen penghafalam menjadi strategi utama kerana pendekatan ini lebih praktikal dan mudah dilaksanakan.

Untuk itu, penyelesaian kepada situasi ini, kemahiran mempelbagaikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran adalah penting bagi guru kerana pembentukan pengetahuan boleh dihasilkan dengan kaedah yang tepat dan bersumberkan tahap kemampuan pelajar. Selain itu, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan harus menjadikan pelajar sebagai teras penghasilan maklumat dengan setiap fakta dan konsep dapat dikembangkan dan diperincikan.

6.3 Penekanan pengajaran pendidikan Islam berfokuskan kepada peperiksaan.

Satu lagi cabaran yang dihadapi oleh guru di dalam usaha untuk melahirkan pelajar yang berfikiran kritis dan kreatif adalah penekanan pengajaran pendidikan Islam yang lebih menjurus kepada peperiksaan terutama sekali ujian yang bersifat sumatif dan pengukuran objektif. Fokus pengajaran juga yang lebih mementingkan pengujian kebolehan pelajar untuk mengingat kembali fakta dan mempersembahkan dalam konteks penulisan yang membentuk aliran pengajaran guru ke arah bersifat statik dan terikat.

Keadaan ini juga di dorong pengurusan pihak sekolah bagi menjaga prestasi sekolah khususnya peranan yang dimaninkan oleh pentadbiran sekolah. Secara tidak langsung, ianya mendorong guru untuk memberi lebih banyak fakta dan mengutamakan penghafalan serta kurang menggalakkan supaya pelajar berfikir tentang fakta yang dipelajari. Sikap taksuf kepada peperiksaan dan terlalu banyaknya peperiksaan seragam di dalam sistem pendidikan kebangsaan menjadi faktor utama pelajar yang berfikiran kritis dan kreatif tidak dapat dibentuk secara maksimum.

Berdasarkan temu bual dan pemerhatian yang dilaksanakan, keadaan PdP yang berorientasikan peperiksaan adalah perkara yang sentiasa di sebut oleh guru sebagai halangan kepada penetapan objektif yang lebih fleksibel dan menepati kriteria pembentukan elemen KBAT yang sepatutnya. Dapatan ini menunjukkan kebersamaan isu yang ditekankan menerusi pandangan yang di utara oleh guru X dan Y. Ini dapat di lihat bersandarkan petikan temu bual yang dilaksanakan kepada guru X dan guru Y. petikan guru X

“saya mengajar biasa tengok kepada soalan periksa yang tahun lepas, sebab kalau ajar yang diluar daripada konsep soalan periksa, nanti keluar tak boleh jawab pulak, guru juga yang dipersalahkan nanti”

Dapatan ini konsisten dengan pandangan yang diutarakan oleh guru Y

“budak-budak ni kalau ajar yang tinggi susah jugak, baik ajar yang masuk dalam periksa sebab penilaian prestasi budak-budak ni di ukur dengan keputusan periksa, kalau nak tukar pendekatan mengajar, kurikulum juga kena ubah, cara pentaksiran pun kena ubah, baru kaedah boleh ubah”

Berdasarkan keseluruhan temu bual dan pemerhatian yang dilaksanakan, beberapa sub tema dapat ditentukan

Tema	Sub Tema
Pengajaran yang berfokuskan peperiksaan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Terikat dengan soalan-soalan yang tetap ➤ Pencapaian dalam peperiksaan menjadi kriteria utama ➤ Perubahan dalam pengukuran pencapaian pelajar ➤ Pelaksanaan kaedah latih tubi sebelum peperiksaan

Pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di sekolah bersifat reproduksi iaitu mengeluarkan semula apa yang telah dipelajari tanpa menggalakkan pelajar berfikir (Wenning, 2002). Bentuk soalan peperiksaan yang terdapat di peringkat sekolah sekarang lebih menjurus kepada mengingat semula fakta dan formula yang telah dipelajari. Guru juga berpendapat bahawa mengajar pelajar menguasai maklumat untuk peperiksaan dan memperkembangkan daya pemikiran pelajar adalah dua matlamat yang berlainan dan bercanggah. Bagi penyelesaian permasalahan ini memerlukan transformasi yang melibatkan keseluruhan dasar dan sistem kurikulum yang wujud. Ini disebabkan elemen pengajaran berfokuskan peperiksaan adalah

berpunca daripada sistem yang wujud dan ini mempengaruhi keseluruhan proses PdP, matlamat guru, penghasilan pelajar dan asas isi kandungan mata pelajaran.

Maka sekiranya menerusi konteks PdP untuk menyelesaikan permasalahan ini, keperluan guru untuk memahami dengan mendalam konsep mata pelajaran yang di ajar bagi menentukan arah tuju pengajaran yang tidak membosankan pelajar tetapi pada masa yang sama berfokuskan peperiksaan. Ini memerlukan budaya kecekapan dan kemahiran yang tinggi daripada pelbagai aspek sama ada elemen pembentukan objektif pengajaran bersumberkan kemahiran kreatif, berpengetahuan dan berkeupayaan penjanaan idea yang pelbagai.

6.4 Pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang bersifat statik

Pengajaran dan pembelajaran yang kurang berkesan untuk meningkatkan kemahiran berfikir juga menjadi satu cabaran bagi guru pendidikan Islam untuk melahirkan pelajar yang berfikiran kritis dan kreatif ini. Ini adalah kerana, mengajar kemahiran berfikir kepada pelajar sama ada kritis atau kreatif tanpa membantu mereka belajar cara menggunakannya dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah adalah tidak mencukupi (Mohd Nashuha, 1997). Guru juga kurang pengetahuan dan berkebolehan untuk mengintegrasikan kemahiran berfikir dalam mata pelajaran pendidikan Islam.

Penggunaan cara pengajaran kemahiran berfikir kritis dan kreatif tidak di ambil berat oleh guru dan mereka tidak mempelbagaikan kaedah atau teknik menyampaikannya. Guru lebih yakin tentang kemahiran penyampaian pengajaran yang mereka miliki berbanding kemahiran pedagogi untuk mengajar kemahiran berfikir aras tingi (KBAT). Ada guru yang pernah menghadiri kursus untuk mengajar KBAT tidak bersedia dan mendapati sukar untuk mengajarnya terutama sekali pelajar-pelajar yang dikategorikan lemah.

Pengajaran yang lebih berpusatkan kepada guru juga menjadikan pelajar tidak dapat menggunakan kemahiran berfikir kritis dan kreatif. Terdapat guru yang memberikan penerangan tentang tajuk yang di ajar tanpa memberikan peluang kepada mereka untuk menggunakan

kemahiran berfikir ini. Walhal penekanan pengajaran berfikir kritis dan kreatif semasa proses pengajaran dan pembelajaran matematik merupakan faktor penting bagi melahirkan pelajar yang berfikiran kreatif dan kritis.

7.0. CADANGAN TINDAKAN

Berikut adalah di antara cadangan dan tindakan yang boleh di ambil oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam bagi memastikan pelaksanaan objektif pengajaran dapat dilaksanakan.

7.1 Penggunaan masa secara optimum.

Guru boleh menangani cabaran dengan menggunakan masa secara optimum dan sistematik di mana guru boleh mengajar berkenaan dengan soalan penyelesaian masalah dahulu sebelum mengajar fakta. Guru boleh menggunakan teknik penceritaan yang melibatkan situasi harian bagi membolehkan pelajar lebih memahami dan menggunakan pemikiran kritis dan kreatif bagi menyelesaikannya.

Guru juga boleh mengintegrasikan topik lain di dalam mata pelajaran pendidikan Islam bagi mengatasi masalah masa yang tidak mencukupi. Contohnya dalam tajuk beriman kepada Allah, boleh di ajar berdasarkan situasi semasa dengan mengaitkan bagaimana peristiwa yang berlaku dapat mendekatkan diri kepada Allah swt. Pendekatan secara integrasi ini iaitu bagaimana alam ini yang bulat, keadaan persekitaran yang berjirim dan berjirim mengesahkan tentang kekuasaan Allah.

7.2 Menggalakkan pelajar mempelbagaikan bentuk pemikiran

Pemikiran penaakulan melibatkan proses deduktif dan induktif. Untuk menggalakkan penaakulan

deduktif, konsep dan prinsip hendaklah benar-benar difahami oleh pelajar. Pelajar perlu diberi galakan untuk memberikan contoh-contoh yang berkenaan bagaimana proses kejadiann alam dan kesan daripada penciptaan yang hebat memerlukan setiap manusia mensyukuri nikmat yang telah diperolehi. Galakan penaakulan induktif pula dapat dilakukan dengan memberi contoh-contoh khusus dan pelajar perlu berfikir untuk merumuskan generalisasi. Oleh itu, bagi menggalakkan mereka membuat penaakulan dan berfikir secara kritis dan kreatif, guru haruslah mengelakkan diri daripada memberi terlalu banyak penerangan. Guru hendaklah sentiasa memberi panduan kepada pelajar supaya mereka dapat menjawab soalan yang memerlukan mereka berfikir dengan kritis dan kreatif bersandarkan panduan objektif yang ditetapkan..

7.3 Objektif dibentuk bukan berfokuskan peperiksaan.

Objektif yang tertumpu terhadap sistem peperiksaan memerlukan kepada beberapa pendekatan di dalam memastikan hala tuju pelajar tidak bersifat sehala dan statik. Ini kerana objektif di dalam pengajaran merupakan pusat kepada proses PdP sama ada berada di landasan yang sepatutnya atau pun sebaliknya. Sebelum itu, guru-guru lebih berfokus di dalam menghasilkan soalan yang berbentuk objektif dan bersifat pilihan jawapan. Ini memberikan peluang kepada pelajar terutamanya pelajar yang dikategorikan lemah untuk menjawab soalan berasaskan tahap pemikirannya. Sepatutnya guru perlu mencuba menghasilkan soalan yang mempunyai pelbagai cara penyelesaiannya menerusi kerangka objektif yang ditetapkan dan guru akan membimbing sehingga pelajar berkeupayaan menjawab soalan yang dikemukakan dengan baik. Contohnya beriman kepada Malaikat, jawapan yang diterima daripada pelajar mungkin pelbagai. Jadi guru perlu menbinbing pelajar untuk menghasilkan jawapan yang paling betul berdasarkan pengetahuan dan kefahaman yang ada pada pelajar.

7.4 Perancangan rapi sebelum pengajaran dan pembelajaran

Bagi pengajaran dan pembelajaran yang kurang berkesan untuk meningkatkan kemahiran berfikir terutama kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), guru-guru pendidikan Islam yang mengajar

KBAT perlu menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran pedagogi dan sikap sebelum mengaplikasikannya penetapan matlamat di dalam objektif pengajaran di dalam bilik darjah. Hanya guru yang betul-betul yakin sahaja mampu melaksanakannya pengajaran dengan berkesan dan berkualiti bersandarkan kerangka objektif yang telah ditetapkan.

Oleh itu, kursus-kursus yang dikendalikan untuk menyediakan guru-guru mengajar KBAT perlu dirancang dengan teliti dan dikendalikan dengan cara yang profesional supaya kursus-kursus ini meninggalkan kesan positif dan berkesan di kalangan guru-guru. Satu daripada aspek yang perlu diberi perhatian dalam pengendalian kursus-kursus ini ialah perlu mengadakan sesi-sesi 'hands-on' yang cukup bagi guru merancang, mencuba, menilai dan belajar bagi menyampaikannya idea bersumberkan penghasilan objektif pengajaran yang lengkap.

8.0 KESIMPULAN

Kemahiran berfikir telah lama diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam dan dikenali sebagai kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Namun begitu pelaksanaannya masih belum mantap dan kurang diberikan penekanan terutama pengajaran khususnya objektif pengajaran yang sedang dipraktikkan dalam mata pelajaran pendidikan Islam diperingkat sekolah rendah. Oleh itu, pendedahan yang berterusan dan sistematik diperlukan agar semua GPI dapat memperluaskan pelaksanaan kemahiran berfikir ini dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam seterusnya sehingga dapat melahirkan pelajar yang berfikiran kreatif dan kritis.

Penerapan kemahiran berfikir dalam kerangka objektif pengajaran pendidikan Islam ini amat penting selaras dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan keperluan negara ke arah penghasilan pelajar yang bukan sahaja cemerlang di dalam akademik tetapi mampu membangunkan karektor yang berakhlak. Menerusi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) juga, kemahiran berfikir adalah unsur utama yang diberikan penekanan. Untuk meningkatkan pemikiran pelajar yang analitis dan kreatif, penyelesaian masalah merupakan satu aspek penting yang perlu diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Penyelesaian masalah yang dikemukakan hendaklah bersesuaian dengan tahap pelajar. Di samping itu, guru perlu menggalakkan pelajar untuk berkomunikasi dan berani membuat keputusan. Keberkesanan

penetapan objektif adalah juga bergantung pada pengolahan teknik dan penggunaan bahan bantu belajar serta teknologi yang dapat merangsang dan menggalakkan pelajar berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, berkomunikasi, bermatlamat dan jalinan interaksi yang berkesan.

Guru Pendidikan Islam perlu mengambil tindakan dalam penetapan objektif pengajaran bagi melahirkan pelajar yang berfikiran kritis dan kreatif kerana ia merupakan salah satu elemen penting yang perlu dimiliki oleh para pelajar yang meliputi kebolehan berfikir secara kritis, kreatif, inovatif dan kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan dalam pelbagai bidang yang diceburi nanti. Oleh itu, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif yang melampaui penguasaan kemahiran asas dan pengetahuan pendidikan Islam perlu diterapkan dan dikembangkan dalam kurikulum khususnya di dalam penetapan objektif pengajaran bagi melahirkan pelajar yang menepati kriteria Falsafah Pendidikan Kebangsaan amnya dan khususnya falsafah pendidikan Islam.

7.0 RUJUKAN.

- Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, (2011). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Al-Qabisi, Abu Hassan Ali Muhammad Khalaf. (1955). *Al-risalah al-mufassalah lilahwal al-muta'alimin wa ahkam wa muta'alimin*. Kaherah ;Dar Ehya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- Ashraf M.Zedan. (2015). *An innovative Teaching Method in Islamic Studies: the Use of PowerPoint in University of Malaya as Case Study*. Procedia - Social and Behavioral Sciences 182, 543 – 549
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2010). *Pendidikan di Malaysia*. Putrajaya ; Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Brookhart, S. M. (2012). Expending Views About Formative Classroom Assessment: A Review of the Literature, dalam McMillan J. H (eds). *Formative Classroom Assessment: Theory into Practice*. New York. Teachers College Press. 43–62..
- Creswell, J.W. (2012). *Educational Research : Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research. Edisi ke-4*. Boston; Pearson Education In..
- Edward de Bono (2008) *Frames For Thinking About Information*. Thinking In Teachers And Students: Diverse Perspectives. Forth Worth: Harcourt Brace College Publishers.

- Mohd Anuar Mamat. (2014). *Teknik Soal-Jawab Dalam Pengajaran Imam Abu Hanifah (M.150H/767M): Suatu Analisis Terhadap Kitab AL- 'ALIM WA AL-MUTA 'ALLIM* The Online Journal Of Islamic Education Special Issue.
- Mohd Aderi Che Noh, Mohd Fuad Othman, Maimun Aqsha Lubis. (2014). *Pengajaran Berkesan Berasaskan Kaedah Kontekstual Dalam Pendidikan Islam*. Prosiding. Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-10 (WPI10).
- Muhammad Sofwan Mahmud, Roslinda Rosli. (2015). *Penyoalan Lisan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Kajian Kes Dua Orang Guru Sekolah Rendah*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali Ke-5.
- Onosko, J. J, & Newmann, F. M. (1994). *Creating More Thoughtful Learning Environment*. in Mangieri, J. & Blocks, C. C. (Eds.). *Creating Powerful*.
- Robert Glaser. (1983). *Cognitive and motivational aspects of instruction: selected International Congress papers*. Amsterdam: Elsevier.
- Yin, R. K. 2003. *Case Study Research: Design and Methods*. 3rd ed. Thousand Oaks: Sage Publication.
- Johnson & Christensen, & Johnson, R. B., & Christensen, L. B. (2000). *Educational research: Quantitative and qualitative approaches*. Boston: Allyn and Bacon.
- Patton, (1990). *Qualitative evaluation and research method*. Thousasnd, Osaka, CA: Sage.
- Marohaini, (2004). *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman Kerja Kajian Lapangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan kualitatif, pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung Malim : Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rosnaini Sulaiman, Maimun Aziz & Mok Soon Sang. (2011). *Kemahiran berfikir*. Puchong, Selangor ; Penerbitan Multimedia.
- Syofia Ulfah, Zamri Mahamod & Jamaludin Badusah. (2013). *Kemahiran Komunikasi Interpersonal Ekspresif: Mencipta Guru Bahasa Indonesia Yang Penyayang*. Journal Of Language Studies 13(1): 139-154.
- Zamri Mahmod, Umi Nadiha Mohd Nor, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2015). *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah*. Prosiding ASEAN Comparative Education Research Conference.